

## **Interpretasi makna hidangan makanan dalam setiap pelaksanaan tingkat adat perkahwinan etnik Tidung di Pulau Sebatik**

### **ABSTRAK**

Makanan adalah merupakan suatu elemen yang dipersepsikan sebagai amat kaya dengan perlambangan yang bertindak dalam sesuatu adat atau tradisi bagi sesebuah masyarakat. Perkara ini dinyatakan sedemikian kerana makanan secara amnya dipercayai berfungsi untuk menandakan sistem kepercayaan, amalan agama dan ideologi yang rumit tanpa dibatasi oleh bilangan populasi masyarakat yang dirujuk serta tidak dibatasi oleh persempadanan yang wujud. Sehubungan itu, pengimplementasian makanan sebagai perlambangan dalam etnik Tidung yang mana dirujuk sebagai etnik di persempadanan dilihat turut mempunyai pengaruh dalam menyampaikan makna secara bukan lisan. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini berhasrat untuk menganalisis interpretasi makna makanan yang dihidangkan dalam setiap pelaksanaan tingkat adat perkahwinan etnik Tidung di Pulau Sebatik Sabah. Kajian menggunakan pendekatan etnografi dengan pengkaji turut serta dalam setiap tingkat adat yang dilaksanakan. Data diperoleh melalui temu bual mendalam bersama informan utama, mak andam dan pengamal adat. Akhirnya, hasil kajian mendapati hidangan makanan yang dihidangkan dalam setiap pelaksanaan tingkat adat perkahwinan etnik Tidung di Pulau Sebatik ini mempunyai makna yang tersendiri seperti makna yang berunsurkan kebahagiaan kehidupan, hormat-menghormati dan juga ikatan keakraban sesebuah perhubungan.